


AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITMCPP)

E-BULETIN ACIS UITMCPP



LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTMCPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTMCPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTMCPP.




EDISI
2024



LAPORAN UNIT

TAKLIMAT PEMBANGUNAN PROGRAM BAHARU BERSAMA KOORDINATOR UHEK, UiTMCPP



Penulis: Dr. Shahirah Said
Pensyarah Kanan ACIS UiTMCPP


Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) telah mengadakan pertemuan bersama Koordinator UHEK UiTMCPP iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Zainal Hisham bagi mendapatkan taklimat dan makluman mengenai penubuhan program baharu ACIS iaitu Ijazah Sarjana Muda Halal Industri dengan Pengurusan Makanan.

Taklimat tersebut diadakan pada tarikh 12 September 2023 yang bertempat di bilik mesyuarat ACIS. Taklimat ini juga telah dihadiri oleh semua pensyarah yang terlibat. Antara agenda yang telah dibincangkan ialah maklumat ringkas latar belakang program baru ACIS oleh Ketua Unit Program Baharu ACIS iaitu Dr. Muhammad Anas Ibrahim.

Seterusnya diikuti dengan taklimat terperinci mengenai proses dan prosedur permohonan program baharu, tips dan tricks kelulusan program baharu dan penyediaan dokumen oleh PM. Dr. Ts. Dr. Zainal Hashim.

Taklimat yang diakhiri dengan sesi soal jawab antara pihak ACIS dengan UHEK telah mencapai objektifnya kerana dapat memberi banyak pencerahan serta dapat menjawab beberapa isu berbangkit dalam proses penubuhan program baharu ACIS.

Semoga dengan taklimat ini dapat melancarkan lagi proses permohonan program baharu ACIS, UiTMCPP di masa akan datang.





جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

PENERBIT

Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG**



[https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder
?view=page&id=95](https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95)



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.